



## Syarikat aeroangkasa dan pertahanan India buka pejabat di Kuala Lumpur

Ogos 18, 2022 @ 9:30pm

NEW DELHI: Syarikat aeroangkasa dan pertahanan India, Hindustan Aeronautics Limited (HAL) menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU) untuk membuka pejabat di Kuala Lumpur bagi meneroka tawaran baharu di Asia Tenggara.

"Pejabat di Malaysia akan membantu HAL dalam memanfaatkan peluang perniagaan baharu untuk jurulatih utama pejuang (FLIT) LCA dan keperluan lain Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) seperti naik taraf Su-30 MKM dan Hawk," kata HAL dalam satu kenyataan pada Khamis.

MOU itu ditandatangani Pengurus Besar HAL (pesawat tempur ringan) Ravi K dan Mejai (B) Mohd Husairi Mat Zain dari syarikat Malaysia Forte Drus, wakil rasmi HAL di Malaysia.

India membida untuk menjual 18 LCA "Tejas" kepada Malaysia dengan mengemukakan cadangan itu pada Oktober 2021.

"Keputusan akhir tender dijangka diumumkan tidak lama lagi oleh pihak berkuasa Malaysia. LCA Tejas mempunyai peluang yang adil untuk dipilih dalam bidaan itu kerana ia memenuhi semua syarat yang dicari oleh TUDM," kata HAL dalam kenyataannya. - BERNAMA